

05 AUG 1998

Komanwel-Olahraga

KEMERIAHAN TIDAK BERGANTUNG KEPADA SEORANG ATLET SAHAJA

Oleh: Ahmad Shukran Saharuddin

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Walaupun tanpa kehadiran raja pecut dunia Donovan Bailey dari Kanada, Sukan Komanwel ke-16, September ini tidak akan kehilangan serinya.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sambutan untuk menyaksikan acara sukan pada temasya September ini, bukan bergantung kepada seseorang atlet sahaja.

"Pelari pecut bukan Donovan Bailey seorang...Saya difahamkan ada pelari pecut negara lain juga akan bertanding nanti," kata Muhyiddin pada sidang akhbar Karnival Bangsar Sukan Komanwel ke-16 di sini, hari ini.

Menurut laporan media Kanada, Bailey, yang mencipta rekod dunia 9.84s pada Sukan Olimpik Atlanta 1996 disahkan tidak akan menyertai Kuala Lumpur '98 oleh presiden Olahraga Kanada, John Tresher.

"Ia juga tidak tertakluk pada acara trek sahaja...acara lain seperti renang juga disertai oleh atlet bertaraf dunia," kata Muhyiddin lagi.

Seorang lagi pelari pecut Kanada, yang juga juara dua kali 60m dunia dalam dewan, Bruny Surin juga tidak terdapat dalam senarai ke Sukan Komanwel yang dikeluarkan oleh Olahraga Kanada Isnin lepas.

Namun tanpa kedua-dua pelari pecut tersebut, acara pecut bakal menjanjikan persembahan menarik dari Frankie Fredericks dari Namibia yang menggondol pingat gangsa pada Sukan Komanwel di Victoria, Kanada empat tahun lepas.

Ato Boldon, juara 200m dunia dari Trinidad dan Tobago yang mulanya tidak mahu menyertai Sukan Komanwel juga bakal mengubah fikiran menyertai persaingan dalam acara 100m September ini jika beliau mampu mencatat masa yang baik dalam perlumbaan 100m di Grand Prix Stockholm, Sweden bermula hari ini.

Menurut Muhyiddin, maklumat terperinci setiap individu yang akan bertanding dari setiap negara peserta boleh didapati dari penganjur Sukom Ninety Eight Berhad selepas 11 Ogos ini.

Sebelum itu, beliau memberitahu pemberita bahawa Karnival Bangsar Sukan Komanwel ke-16 yang akan diadakan pada 15 Ogos ini adalah salah satu acara kemuncak Kempen dan Publisiti Sukan Komanwel oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Ia akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, pukul 9 malam berkenaan.

Objektif utamanya ialah memberi maklumat tentang Sukan Komanwel, meningkatkan penjualan tiket dan menjadikan Bangsar sebagai destinasi kunjungan semasa dan selepas Sukan Komanwel.

Tiga aktiviti kemuncak untuk pengunjung ialah kaunter jualan tiket Sukan Komanwel, kaunter maklumat Sukan Komanwel dan jualan barangan Sukan Komanwel.

Muhyiddin juga berkata jualan tiket untuk majlis pembukaan dan penutup Sukan Komanwel amat mengalakkan dan hampir habis.

"Hingga 1 Ogos lepas, sebanyak 222,300 dari 1.28 juta tiket yang dicetak sudahpun terjual...Kebanyakan ialah bagi acara sukan yang mempunyai kapasiti tempat duduk kecil," kata Muhyiddin lagi.

Beliau menamakan sukan seperti renang, boling padang, badminton, boling, kriket dan ragbi adalah antara penyumbang kepada jumlah tiket yang telah terjual.

-- BERNAMA

SHS ZB

